

Bab 3 : PEMIKIRAN FAN ZHONGYAN DALAM BIDANG PERTAHANAN NEGARA

3.1 Hubungan Di Antara Puak-puak Asing Dengan Dinasti Song

3.1.1. Latarbelakang Liao dan Hubungan Liao dengan Dinasti Song

Sesungguhnya dinasti Song menghadapi tiga masalah yang serius secara berturut-turut dalam sejarah China , iaitu pada mula-mulanya dinasti Song dihina oleh Liao 辽, pada pertengahan pula dinasti Song diserang oleh Xi Xia 西夏 manakala pada peringkat akhir dinasti Song telah dikalahkan oleh Jin 金 . Kegagalan demi kegagalan yang dialami oleh dinasti Song merupakan satu penghinaan dan masa gelap bagi dinasti Song .

Liao dibina oleh orang Khitan (916—1125) dan dikenali sebagai Khitan 契丹 pada mula-mulanya . (Pada tahun 947 , Khitan menukar nama menjadi Liao . Pada tahun 983 , Liao dipulihkan nama menjadi Khitan . Pada tahun 1066 pula , ianya dikenali sebagai Liao semula) . Liao mendirikan negaranya selama dua ratus tahun dan merupakan satu musuh yang merbahaya bagi dinasti Song .

Puak-puak Liao tinggal di sekeliling Sungai Liao dari generasi ke generasi . Mereka hidup dengan memburu , perikanan dan membela binatang . Pada mula-mulanya , gelaran kaum bagi Khitan ialah Dahe Shi 大贺氏 dan kaum tersebut dibahagikan menjadi lapan kumpulan . Setiap kumpulan dipimpin oleh

seorang pemimpin dan seorang menteri dilantik untuk memimpin seluruh kaum . Menteri ini dipilih tiga tahun sekali . Pada zaman hujung Tang , keadaan politik China berada dalam suasana yang porak-peranda dan ramai daripada rakyat jelata berpindah ke Liao untuk mengelakkan kekacauan .

Kuasa politik dinasti Liao didirikan oleh seorang kaum Khitan yang bernama Yelu Abaoji 耶律阿保机 (872 —926.) .¹ (Khitan menyerahkan diri kepada kerajaan Tang pada permulaan masa Tang . Maharaja Tang menganugerahkan nama keluarga imperial Li 李 kepada ketua puak Khitan . Dalam bahasa Liao , Li disebut sebagai “Yelu” 耶律 , maka sejarahwan-sejarahwan kemudiannya menggelar nama keluarganya sebagai “Yelu”). Pada bulan pertama tahun 907 , Abaoji menggelarkan diri sebagai “ Kehan ” (Khan 可汗). Pada masa itu , Abaoji berusaha memperluaskan kuasanya sendiri . Beliau mengambil peluang memasuki Song dan merampas ramai daripada penduduk Han 汉 .

Semasa Yelu Abaoji 耶律阿保机 menjadi pemimpin , ramai orang Han berpindah ke sempadan Liao dan mereka kebanyakannya berkumpul di sebuah kota Han yang lama yang juga dikenali sebagai Huayan Xian 滑盐县 , kini di daerah Chengde 承德 . (Tempat ini terkenal dengan mengeluarkan garam dan besi serta sesuai untuk pertanian) . Selepas Abaoji mengambil Han Yanhui

¹ Shen Youliang 申友良 , *Zhongguo beifang minzu ji qi zhengquan yanjiu* 中国北方民族及其政权研究 (*Kajian Tentang Kuasa Politik dan Puak-puak di Utara China*) , Beijing : Zhongyang Minzu Daxue Chubanshe 中央民族大学出版社 , 1998 , ms . 184

韩延徽 sebagai penasihat , wilayah mereka bertambah besar dan pekan itu bertambah makmur . Kemakmuran ini mendorong Liao mula menempa wang syiling , membina kota dan mendirikan jalan raya . Selain itu , Liao mengubahsuai tulisan Han dengan mencipta tulisan Liao sendiri sebanyak beberapa ribu perkataan . Perubahan yang dibuat oleh Liao memberi kesan yang langsung terhadap orang-orang Liao . Walau bagaimanapun , disebaliknya pemimpin Liao menggunakan sistem orang-orang Han pula untuk memerintah orang-orang Han . Justeru itu , ramai daripada orang-orang Han memihak dan mematuhi perintah daripada Liao . Semenjak dari itu , Liao semakin kuat .²

Abaoji merupakan seorang pemimpin yang berwibawa , beliau menakluki kaum Shiwei 室韦 di utara , menyerang kaum Jurchen (Nuzhen 女真) , menakluki kaum Uighur (Huigu 回鹘) , Tuyuhun 吐谷浑 , Tangut (Dangxiang 党项) di barat dan menakluki Mongolia Dalam 内蒙古 dan sebahagian Manchuria (Manzhou 满洲) , semuanya dimasukkan ke wilayah kepunyaan Liao .³ Kekuatan Liao mengakibatkan mereka berniat besar untuk menyerang Song . Pertentangan , peperangan dan permusuhan sering berlaku di antara Liao dan Song . Carta di bawah menggambarkan pertelingkahan dan peperangan yang berlaku di antara Liao dengan Song sehingga perjanjian perdamaian ditandatangani pada tahun 1002 :

² Fang Hao 方豪 , *Songshi* 宋史 , (*Sejarah Song*) , ms. 97 .

³ Fang Hao , Ibid. , ms . 98 .

TAHUN	PERISTIWA-PERISTIWA SEJARAH
960	Song Tai Zu mendirikan dinasti Song dan menjadi maharaja yang pertama . Baginda menjalankan dasar bertahan di sempadan . Selain itu , baginda membenarkan orang-orang Liao menjalankan perniagaan bebas dan cuba mengurangkan cukai mereka . Bagi mereka yang tinggal di ibukota Song , baginda menjalankan dasar yang hormat-menghormati . Walaupun kedua-dua negara ini mempunyai pertelingkahan di antara satu sama lain , namun dalam masa 15 tahun pemerintahan Song Tai Zu dan masa 4 tahun permulaan pemerintahan Song Tai Zong , Liao belum menjadi masalah yang besar terhadap dinasti Song .
975	Negeri Liao dan dinasti Song saling menghantar duta ke negara masing-masing .
979	Hubungan diplomatik di antara negeri Liao dan dinasti Song terputus .
979	Pasukan tentera Song kalah teruk di Sungai Gaoliang(<i>gaoliang He</i> 高梁河).
979	Pasukan Liao dan Song berperang di Mancheng 满城(di Hebei 河北) dan pasukan Liao dikalahkan oleh pasukan Song .
980	Kedua-dua pasukan berperang di Waqiaoguan 瓦桥关 (di Hebei) , pasukan Liao mendapat kemenangan .
986	Dinasti Song menyerang negeri Liao secara besar-besaran . Pada mulanya , tentera Song menang , namun akhirnya tentera Liao mengalahkan tentera Song di Qigou Guan 歧沟关 .
994	Song Tai Zong menghantar duta ke negeri Liao untuk membuat perdamaian sebanyak dua kali , tetapi ditolak oleh Liao .
999	Tentera Liao menyerang ke selatan secara besar-besaran dan mengalahkan teruk tentera Song di Yingzhou瀛州.
1001 (bulan 10)	Pasukan Liao sekali lagi menyerang ke sebelah selatan . Namun tentera Song berjaya menewaskan tentera Liao di Suicheng 遂城.
1002 (bulan 11)	Liao mengumpulkan askar seluruh negeri dan di bawah pimpinan Sheng Zong 圣宗 dan maharani Cheng 承 terus mara ke selatan secara besar-besaran . Tentera Liao berjaya memasuki kawasan pedalaman Song sehingga ke Chanzhou 漳州(kini di Henan). Serangan ini terus mengancam ibukota Kaifeng .
1002 (bulan 12)	Kekalahan teruk tentera Song di Chanzhou di samping kematian askar-askar tentera Liao menyebabkan kedua-dua pihak bersetuju menandatangani Perjanjian Chanyuan.

Secara ringkas dapat disifatkan bahawa perperangan yang berlanjutan selama lebih dari 20 tahun di antara dinasti Song dengan Liao ini , Liao adalah pihak yang sentiasa menang . Jika dilihat dari segi kebolehan pemimpin masing-masing , maharaja Song pada masa itu iaitu Song Tai Zong dan Song Zhen Zong lebih memberi sumbangan terhadap bidang ekonomi dan kebudayaan dinasti Song . Disebaliknya pula , pemerintah Liao iaitu Xiao Taihou 肖太后 dan Sheng Zong lebih berkemampuan dalam bidang ketenteraan dan politik . Kebolehan yang ditunjukkan oleh pemerintah Liao melebihi pemerintah Song di mana akhirnya pemerintah Song terpaksa mengaku kalah dalam Perjanjian Chanyuan .

Walau bagaimanapun , jika dilihat dari segi yang lain pula , didapati bahawa selepas Perjanjian Chanyuan , dinasti Song dengan Liao walaupun masih berada dalam keadaan yang bermusuhan , namun perperangan yang berlanjutan di antara kedua-dua pihak berhenti . Malah perperangan yang besar-besaran tidak berlaku di antara kedua-dua pihak ini selama lebih dari satu abad . Ini memberi peluang kepada kedua-dua negara mengambil kesempatan ini membangunkan bidang ekonomi masing-masing . Masa keamanan yang begitu lama ini juga memberi satu peluang yang baik untuk kedua-duanya mengadakan pertukaran dan persefahaman dari segi ekonomi dan kebudayaan . Pada masa inilah Liao mempergunakan teknik-teknik maju dari dinasti Song dan oleh yang demikian Liao telah mencapai pembangunan yang pesat dari segi politik , kebudayaan , ekonomi dan sosial .⁴

⁴ Shen Youliang , op.cit . , ms. 190 .

3.1.2. Latarbelakang Xi Xia dan Hubungan Xi Xia dengan Dinasti Song

Xi Xia didirikan oleh kaum Tangut (Dangxiang).⁵ Oleh kerana kaum Tangut ditindas oleh puak Turfan (Tufan 吐蕃) , maka kaum ini perlahan-lahan berpindah ke sebelah timur laut .⁶ Walaupun rakyat Xi Xia merupakan kaum Dangxiang , namun golongan bangsawan Xi Xia pula merupakan kaum Xianbei 鲜卑 , segolongan suku bangsa Tuoba 拓跋 yang memerintah kaum Tangut . Menurut *Liaoshi* 辽史 (*Sejarah Liao*) , “ Xi Xia , berketurunan daripada suku Tuoba (Tuobashi 拓跋氏 pada zaman Wei 魏)” .⁷

Pada masa permulaan tempoh Dinasti-dinasti Utara dan Selatan (Nanbei chao 南北朝) , kaum Tuoba menyatu-padukan utara China dan mendirikan dinasti Wei Utara (Bei Wei 北魏) . Mereka bermusuhan dengan dinasti Song yang dibina oleh keluarga Liu 刘 di selatan China . Saudara-mara keluarga Tuoba pernah menempatkan diri di kawasan Tao 洮 , Min 岷 , Song 松 dan Mao 茂 . Akibat dari itu , mereka mendapatkan peluang untuk bergaulan dengan kaum Tangut . Oleh kerana kaum Tuoba memegang kuasa tentera tempatan , kedudukan politik mereka semakin tinggi dari masa ke semasa . Puak Qiang terpaksalah menurut perintah daripada kaum Tuoba pada masa itu .

⁵ Shen Youliang , op.cit. , ms. 230 .

⁶ Fang Hao , op.cit. , ms. 111 .

⁷ “Xi Xia zhuàn” 西夏传 (Rekod Xi Xia) , *Liaoshi* 辽史 (*Sejarah Liao*) , Beijing : Zhonghua Shuju dianxiaoben 中华书局点校本 , Vol. 115 , 1977 , ms. 1523 .

Pada tahun 881. , pemimpin Tangut iaitu Tuoba Sigong 拓跋思恭 berjaya membantu dinasti Tang menakluki pemberontakan Huang Chao dan beliau dinaikkan pangkat menjadi Gabenor Tentera di negeri Xia . Beliau diberi peluang memerintah 5 kawasan yang terdiri dari Yin 银 , Xia 夏 , Sui 绥 , You 宥 dan Jing 靖 (kini di bahagian timur Ningxia 宁夏 dan di kawasan Yulin 榆林 di Shaanxi) . Pada tahun 884 . , dinasti Tang menganugerahkan kepada suku Tuob Ba nama keluarga Li , iaitu nama keluarga imperial Tang . Semenjak dari itu , nama keluarga Li ini telah digunakan oleh keluarga diraja Tuoba sehingga ke zaman dinasti Song.

Pada tahun 960 , dinasti Song didirikan oleh Song Tai Zu . Keluarga Li (yang berketurunan Tuoba) di negeri Xia menjadi semakin kuat . Demi mengelakkan ancaman daripada kerajaan Song , negeri Xia sengaja mengadakan hubungan berbaik-baik dengan kerajaan Song . Dalam pada itu seorang Gabenor Tentera dari negeri Xia iaitu Li Yiyin 李彝殷 telah mengucapkan tahniah kepada Song sempena kenaikan takhta Song Tai Zu , malah membantu Song menyerang dinasti Bei Han 北汉 . Oleh kerana dinasti Song masih tidak stabil dari segi politik , ditambah pula dengan ancaman daripada utara (Bei Han) dan selatan (negeri-negeri Wu 吴 dan Yue 越) yang masih belum dihapuskan , kerajaan Song tidak terdaya menjalankan kempen serangan terhadap negeri Xia buat sementara waktu . Memandangkan hakikat ini , kerajaan Song juga sanggup mengadakan dasar yang berbaik-baik dengan negeri Xia . Kerajaan Xia yang dipimpin oleh Li Yiyin terus memperkembangkan kuasanya di negeri tersebut .

Pada masa pemerintahan Li Yiyin sehingga ke cucunya Li Jiyun 李继筠, negeri Xia dan dinasti Song mengadakan hubungan berbaik-baik selama lebih dari 20 tahun.

Pada tahun 980, Li Jipeng 李继捧(adik kepada Li Jiyun) telah menaiki takhta menjadi raja. Oleh kerana Li Jipeng bukan seorang pemimpin yang berkebolehan , maka kenaikannya ke takhta mengakibatkan rasa tidak puashati saudara-mara terhadapnya.⁸ Mereka mengetuai pasukan tentera menyerbu negeri Xia dan mengalahkan tentera yang diketuai oleh Li Jipeng . Akibat dari itu , Li Jipeng membawa puaknya berlari ke Song dan mendapatkan perlindungan daripada dinasti Song . Di samping menempatkan diri di ibukota Kaifeng , Li Jipeng telah menyerahkan lima kawasan iaitu Yin , Xia , Sui , You dan Jing (di kawasan Shaanxi) kepada dinasti Song . Semenjak masa itu , kaum Tangut mula berpecah dan Li Jiqian 李继迁 (saudara-mara keluarga diraja Tangut) mengetuai adiknya Li Jichong 李继冲 dan penyokongnya menyeru puak-puaknya menceroboh ke sempadan Song dan pada masa inilah bermulanya kekacauan Xi Xia terhadap dinasti Song .

Pada tahun 984 ,Li Jiqian menyerang kota Wangting 王庭镇 (kini di Mongolia Dalam) dan menewaskan Song pada kali yang pertamanya . Pada tahun 985 , Li Jiqian pula menerima kekalahan yang teruk di Lunchuan 轮川(kini di Shaanxi) dan terpaksa berundur dari daerah Yin . Dari kekalahan inilah , Li Jiqian

⁸ “Xiaguo zhuan” 夏国传 (Rekod negeri Xia) , SS , Bab.485 , Beijing : Zhonghua Shuju , ms.5794 .

sedar bahawa betapa pentingnya hubungan pertalian dengan negeri-negeri lain untuk menentang tentera Song . Maka pada tahun 986 , Li Jiqian berbaik-baik dengan puak Liao dan kedua-dua pihak ini merupakan ancaman yang besar kepada kerajaan Song . Demi mengatasi masalah di sempadan , Song Tai Zu terpaksa menerima cadangan daripada Perdana Menteri Zhao Pu dengan menganugerahkan Li Jipeng sebagai seorang Gabenor Tentera untuk menduduki kawasan Yin dan Xia di samping menganugerahkannya nama Zhao Baozhong 赵保忠 kepadanya . Kekuatan Li Jiqian telah membawa masalah yang besar terhadap Song di mana Song terpaksa mengubah dasar daripada strategi menyerang kepada strategi bertahan .

Pada tahun 997 , Li Jiqian disokong oleh negeri Liao dan menuntut semula negeri Xia dari maharaja Song Zhen Zong . Kekuatan yang ada pada Li Jiqian memaksa maharaja Song Zhen Zong bersetuju menyerahkan kuasa memerintah negeri Xia kepada Li Jiqian . Maharaja Song Zhen Zong terpaksa menganugerahkan Li Jiqian beberapa gelaran seperti Gabenor (*Cishi* 刺史) di negeri Xia , Gabenor Tentera di Dingnan 定难军 and Pengawas (*Guanchashi* 观察史) di daerah Xia , Yin , Sui , You dan Jing . Pada masa itulah Li Jiqian berjaya mencapai matlamatnya memulihkan tanahair puak Tangut dari pihak Song .

Pada bulan ke-3 tahun 1002 , Li Jiqian memimpin tenteranya menakluki daerah Ling and menukar nama daerah Ling kepada nama Xipingfu 西平府 . Li Jiqian beribukota di Xipingfu and menjalankan dasar-dasar

membangunkan negara seperti mendirikan kuil-kuil , membangunkan kota-kota , mengubahsuai sistem perlantikan pegawai-pegawai dan membangunkan pasukan tentera . Oleh sebab kuasa Li Jiqian semakin kuat , maka puak Turfan dan Uighur terpaksa meminta bantuan pihak Song untuk menentang puak Tangut .

Pada bulan pertama tahun 1004 , Li Jiqian ditewaskan oleh pemimpin Turfan iaitu Panluozhi 潘罗支 . Li Jiqian mengalami kekalahan yang teruk dan akhirnya meninggal di daerah Ling . Selepas kematian Li Jiqian , anaknya Li Deming 德明 (1004—1032) menyedari akan kelemahan yang ada pada puak Tangut , maka beliau menjalankan dasar “ berharap pada pertolongan negeri Liao dan berdamai dengan dinasti Song ” (倚辽和宋) . Dasar ini memberi peluang yang baik kepada puak Tangut supaya memperkuuhkan kuasa dan kedudukan mereka . Pada tahun yang sama , bulan ke-6 , Li Deming berjaya membunuh Pan luozhi dan menakluki Liangzhou 凉州(kini di Gansu 甘肃) pula . Pada tahun 1028 , Li Deming menghantar anaknya Yuanhao 元昊(memerintah pada 1032—1048) menyerang Ganzhou 甘州 (kini di Gansu) dan berjaya menakluki Ganzhou . Apa yang penting ialah Liangzhou dan Ganzhou merupakan tempat strategik Turfan dan Uighur di sebelah barat . Kedua-dua tempat ini mempunyai tanah yang luas dan penduduk yang jarang sekali . Malah tanah yang luasnya memang sesuai untuk penternakan . Selepas penaklukan daerah-daerah ini , Xi Xia menjadi semakin kuat . Memandangkan hakikat ini , pada tahun 1030 , puak Uighur di Guazhou 瓜州(kini di Gansu) terpaksa menyerahkan diri kepada Xi Xia . Semenjak masa itu , sejarah Tangut memasuki era yang baru dan bermulalah zaman Yuanhao di Xi Xia .

Selepas Li Yuanhao manggantikan tempat ayahnya Deming pada tahun 1031 , negeri Xia telah berubah dari segi politik , kebudayaan dan ketenteraan . Yuanhao adalah seorang pemimpin yang berwibawa dan beliau sentiasa berniat menakluki dinasti Song yang pada masa itu telah merosot dari pelbagai segi . Yuanhao telah menakluki Liniucheng 犁牛城(di kawasan Turfan) pada tahun 1033 , manakala pada tahun 1036 pula , beliau telah menakluki Guazhou , Shazhou 沙州 dan Suzhou 肅州 (di kawasan Uighur) . Penaklukan secara besar-besaran ini telah memberi peluang kepada negeri Xia berkembang menjadi sebuah negara yang kuat . Bagi Yuanhao , Xi Xia memang menduduki tempat strategik dan mampu merdeka tanpa tunduk kepada dinasti Song . Yuanhao amat tidak puashati terhadap ayahnya (Deming) yang tunduk kepada sebuah dinasti yang lebih lemah daripada mereka .

Menurut *Songshi (Sejarah Song)* :

Beliau berkali-kali menasihatkan ayahnya supaya jangan tunduk kepada dinasti Song , tetapi ayahnya memarahinya dengan berkata , ‘Saya telah lama berperang dan sekarang berasa letih . Kaum kita telah menikmati kebahagiaan hidup selama tiga puluh tahun dan ini adalah satu budi yang diberikan kepada kita oleh kerajaan Song , kita tidak boleh melupakan budi tersebut ’ . Yuanhao berkata , ‘Kaum kita telah biasa dengan kehidupan yang memakai pakaian kulit dan membela binatang . Sebagai seorang wira yang berwibawa , haruslah kita mendirikan sebuah empayar yang kuat dan perkasa . Apakah perlu kita memakai pakaian yang cantik ? ’ (数谏其父母臣宋，父辄戒之曰：“吾久用兵，疲矣。吾族三十年衣锦绮，此宋恩也，

不可负。”元昊曰：“衣皮毛，事畜牧，蕃性所便。英雄之生，当王霸耳，何锦绮为？”⁹)

Selepas Yuanhao mendirikan negara , niat untuk menakluki Song bertambah . Pada tahun 1038 , Yuanhao menggelar dirinya sebagai maharaja dan menamakan dinastinya sebagai Da Xia 大夏 . Pada tahun 1040 , Yuanhao memimpin tenteranya berkali-kali menlancarkan serangan terhadap dinasti Song secara besar-besaran . Pasukan tentera dinasti Song telah mengalami kekalahan yang teruk dalam peperangan .¹⁰ Carta di bawah menggambarkan peristiwa-peristiwa peperangan dan perdamaian di antara Xi Xia dengan dinasti Song :

TAHUN	PERISTIWA-PERISTIWA SEJARAH
Tahun 1038 , bulan ke-10 bulan ke-12	Yuanhao menjadi maharaja Xi Xia . Kerajaan Song melantik Xia Song 夏竦 dan Fan Yong 范雍 menjadi Pesuruhjaya Keamanan di negeri Xia .
Tahun 1039 , bulan ke-6	Dinasti Song menanggalkan nama keluarga dan gelaran Yuanhao .
Tahun 1040 , bulan pertama bulan ke-5 bulan ke-9	Pasukan Xia menyerang Yanzhou dan mengalahkan pasukan Song di Sanchuankou 三川口 . Kerajaan Song melucutkan jawatan Fan Yong , melantik Han Qi dan Fan Zhongyan sebagai Pesuruhjaya Keamanan di Shaanxi . Askar Xia mengancam Sanchuanzhai 三川寨 , askar Song sekali lagi mengalami kekalahan , pengawas pasukan tentera Zhenrong Xilu (镇戎军西路都巡检) iaitu Yang Baoji 杨保吉 mati dalam peperangan .
Tahun 1041 , bulan pertama bulan ke-2	Yuanhao menghantar pengikutnya ke Yanzhou untuk berdamai , beliau menulis surat kepada Fan Zhongyan . Pasukan Xia mengalahkan Song dengan teruknya di Haoshuichuan 好水川 . Pemimpin tentera Song iaitu Ren

⁹ Ibid. , “Xiaguo zhuan” 夏国传 (Rekod Negeri Xia) , SS , Bab 485 , ms. 5798 .

¹⁰ Chen Rongzhao , *Fan Zhongyan yanjiu* (Kajian Tentang Fan Zhongyan) ,ms.100 .

bulan ke-8	Fu 任福 mati dalam peperangan . Askar Xia berjaya menyerang Fengzhou 丰州 dan gabenor jeneral iaitu Wang Yuqing 王余庆 mati dalam peperangan . Kerajaan Song membahagikan Shaanxi kepada empat daerah tentera dan melantik Han Qi , Wang Yan 王沿 , Fan Zhongyan dan Pang Ji 庞籍 sebagai Pesuruhjaya Keamanan .
Tahun 1042 , bulan ke-9 bulan ke-11	Xi Xia menyerang daerah tentera Zhenrong 镇戎军 dan membunuh Timbalan Ketua Pemimpin iaitu Ge Huaimin 葛怀敏 dan 16 jeneral tentera di samping merampas dengan sewenang-wenangnya di Weizhou 渭州 . Kerajaan Song menghantar Han Qi , Fan Zhongyan dan Pang Ji bersama-sama menjadi Pesuruhjaya Keamanan di Shaanxi .
Tahun 1043 , bulan pertama	Yuanhao menghantar surat kepada Pang Ji untuk membuat perdamaian .
Tahun 1044 , bulan ke-4	Yuanhao menghantar surat mengakui kedaulatan dinasti Song . Dinasti Song menganugerahkannya gelaran sebagai ketua negeri Xia dan menghadiahkan negeri Xia sebanyak 72,000 tahil (liang) perak , kain sutera sebanyak 153,000 gulung (pi) , teh sebanyak 30,000 kati (jin) setiap tahun . Hadiah ini digelar sebagai <i>Suici</i> atau “ Hadiah Tahunan ” .

Dipetik dari Chen Rongzhao , *Fan Zhongyan Yanjiu (kajian Tentang Fan Zhongyan)* , ms.101.

3.2 Dasar Fan Zhongyan Dalam Memperkuatkan Pasukan Tentera

3.2.1. Perlantikan Pegawai-pegawai Tentera dan Kuasa yang dipegang oleh Ketua Tentera

Pada hakikatnya , Fan Zhongyan memainkan peranan yang penting dalam memperkuatkan pertahanan negara . Beliau berpendapat bahawa pemilihan ketua tentera adalah penting di mana sekiranya kebolehan dan bakat seseorang ketua tentera dapat dipergunakan sepenuhnya , maka kejayaan akan diperolehi oleh pasukan tersebut dalam medan peperangan . Pada pandangan Fan Zhongyan , seorang ketua tentera yang gagah berani dapat melahirkan sepasukan askar tentera yang gagah berani juga . Dalam hubungan ini , memilih ketua tentera telah menjadi satu aspek yang paling utama dalam memperkuatkan dan memperkuatkan pasukan tentera negara .

Bagi Fan , seandainya kualiti tentera adalah tinggi , maka kebolehan pertarungan pasukan akan naik juga . Malah Fan mengemukakan pandangan bahawa ajaran teori dan latihan ketenteraan harus diadakan terhadap ketua tentera demi mempertingkatkan kebolehan dan keupayaan memimpin dalam medan peperangan . Fan melahirkan rasa risau dan bimbang terhadap pasukan yang tidak terlatih dalam “ Shang Lu xianggong shu ” 上呂相公書 (Surat Kepada Perdana Menteri Lu) .

Beliau berkata :

Bilangan tentera di Yan' an 延安 berjumlah 26,000 , namun mereka merupakan golongan yang tidak terlatih dan ketua tentera pula tidak mempunyai strategi peperangan yang sistematik . Sekiranya terdapat serangan daripada pihak lawan , apakah taktik yang harus kita tentukan untuk melawan pihak musuh ? Kita semua hanya tahu menyerang pihak musuh tanpa apa-apa strategi yang baik . Inilah kerisauan saya . Seandainya terdapat pemimpin yang sesuai untuk melatih askar-askar , maka askar-askar ini akan menggunakan keadaan geografi tempatan untuk mempertahankan negara . Jika askar kita berupaya membunuh pihak musuh dan mampu memasuki ke sempadan pihak lawan , maka pihak musuh dapat dikalahkan dan mereka akan mendaraskan diri ke padang pasir yang tandus . Dengan ini , kita dapat memulihkan tanahair Han pada bila-bila masa .(今延安兵马二万六千，患训练未精，将帅无谋，问一数路贼来势，何策以待？皆不知所为，但言出兵而已。此不可不为忧也。或得其人，精练士卒，山川险恶据以待寇。俟有斩获，乘胜深入，贼势一破，鸟散穷沙，复尽汉疆，宜有日矣).¹¹

Pada pendapat Fan , latihan ketenteraan adalah amat penting bagi pasukan tentera Song . Di Qing , seorang ketua tentera yang hebat juga dilatih oleh Fan sendiri . Fan menggalakkan Di Qing mempelajari dan memahami taktik peperangan (*bingfa* 兵法) . Di Qing telah dididik oleh Fan sehingga menjadi seorang ketua tentera yang pandai memimpin pasukan tentera dan keupayaan beliau dalam taktik peperangan telah mencapai tahap yang tinggi dalam sejarah Song .

¹¹ "Shang Lu xianggong shu " 上吕相公书 (Surat Kepada Perdana Menteri Lu), Vol.9 , FWZJ , ms . 259 .

Selain daripada memilih dan melatih ketua tentera , Fan juga berpendapat bahawa kuasa memimpin harus diberikan kepada pemimpin tentera di mana mereka dapat mengaturkan serangan di medan peperangan apabila berperang . Sebagaimana yang diketahui , maharaja dinasti Song telah menjalankan dasar pemasukan kuasa sejak awal-awal lagi . Dalam bidang ketenteraan pula , kuasa tentera telah ditumpukan kepada askar imperial yang dikawal secara ketat oleh kerajaan pusat . Ini telah mengakibatkan ketua tentera tidak mempunyai kuasa untuk mengatur serangan dan menentukan taktik berperang dalam medan peperangan . Dengan demikian , kerajaan pusat telah menyekat dan menghalang proses peperangan pasukan tentera Song . Boleh dikatakan bahawa dasar pemasukan kuasa tentera telah menyebabkan kegagalan demi kegagalan tentera Song dalam medan peperangan . Memandangkan hakikat ini , Fan telah mengemukakan pandangan supaya ketua tentera diberi kuasa sepenuhnya untuk memimpin pasukan mereka .

Sesungguhnya dinasti Song lemah adalah disebabkan oleh dasar-dasar yang mementingkan pegawai-pegawai awam dan mengabaikan pegawai-pegawai ketenteraan serta mengesyaki mereka . (*zhongwen qingqu , yiji wuren* 重文轻武 , 疑忌武人) . Oleh itu , Fan mengharapkan supaya pihak kerajaan tidak melantik pegawai-pegawai awam untuk memegang jawatan ketua tentera . Sebaliknya Fan mencadangkan supaya sistem peperiksaan untuk pegawai-pegawai ketenteraan diadakan seperti pada dinasti Tang dahulu . Melalui peperiksaan ketenteraan ini ,

barulah kerajaan dapat melantik orang-orang yang berwibawa dan benar-benar berkebolehan dalam bidang ketenteraan .(宜复唐之武举， 则英雄之辈愿在彀中。) ¹²

3.2.2. Mempertingkatkan Kualiti Askar-askar

Di samping mengawal kualiti ketua tentera , Fan Zhongyan juga berpendapat bahawa kualiti askar-askar merupakan faktor utama dalam perang . Pada permulaan dinasti Song Utara , bilangan tentera imperial adalah berjumlah 20,000 , namun pada pemerintahan Ren Zong pula , bilangan tentera bertambah sebanyak 100,000 . Pengambilan askar yang tidak ketat , ditambah pula dengan kekurangan latihan , maka kualiti tentera dinasti Song menjadi lemah pada keseluruhannya . Dalam hubungan ini , Fan berpendapat bahawa askar-askar harus dipilih dengan ketat dan disiplin harus dikawal dengan baik juga . Terutamanya mereka yang dihantar ke sempadan pertahanan , askar-askar yang kuat dan berani haruslah diambil . Disebaliknya , mereka yang berbadan lemah , sakit dan berusia tua tidak harus diambil sebagai askar .¹³ Fan mengemukakan pandangan bahawa pasukan tentera di sempadan pertahanan Hebei dan Shaanxi harus diperlakukan dengan khusus . Malah beliau menegaskan bahawa sekolah-sekolah latihan tentera harus dibina demi memberi latihan ketenteraan yang bersistematis kepada askar-

¹² “Zou shang shiwu shu” 奏上时务书 , Vol.7 , *FWZZ* , ms. 215 .

¹³ “Zouqi jian wang bianshang tunzhu bingshi ” 奏乞拣往边上屯驻兵士 , *Fan Wenzhenggong zhengfu zouyi* 范文正公政府奏议(卷下) , ms. 574 .

askar dan ianya merupakan asas kepada sebuah pasukan tentera yang kuat dan perkasa . (并增置将校，使人各知军中之法，应敌可用，斯则强兵致胜之本矣！) ¹⁴

Selain itu , Fan Zhongyan juga menjalankan hukuman dan galakan yang setimpal terhadap askar-askar . Dalam laporannya mengenai “Zoulun Shaanxi bingma lihai ” 奏论陕西兵马利害(Kelebihan dan Kelemahan Sistem Ketenteraan di Shaanxi) , beliau berkata , “ Berilah mereka pakaian dan makanan yang secukupnya supaya mereka menjadi kuat , simpankan barang emas supaya memberikan mereka hadiah , berikan arak supaya membuat mereka gembira , memperketatkan disiplin dan hukuman supaya mendirikan kewibawaan , maka dengan ini semanagt pertarungan askar akan naik dan jeneral pula akan menjadi lebih gagah . ” (在乎丰以衣食，使壮其力，积以金帛，示有厚赏，牛酒以悦之，律罚以威之，如此则兵有斗志，将以增气。) ¹⁵

Dasar negara dinasti Song amat mementingkan pegawai-pegawai awam . Fan tidak bersetuju dengan dasar ini . Bagi beliau , pegawai-pegawai ketenteraan adalah penting untuk mempertahankan negara . Memandangkan hakikat ini , Fan mencadangkan supaya kerajaan Song mengubah sistem penilaian semula *mokan* , di mana seseorang jeneral dinaikkan pangkat (secara automatik) setelah berkhidmat untuk lima tahun . Beliau berpendapat bahawa sistem *mokan* yang mengambil masa lima tahun itu harus dikurangkan menjadi tiga tahun kerana

¹⁴ “Zou Shaanxi Hebei gongshou ” 奏陕西河北攻守 (Kelebihan dan Kelemahan Sistem Ketenteraan di Shaanxi) , *Fan Wenzhenggong zhengfu zouyi* 范文正公政府奏议(卷下) , ms. 553 .

¹⁵ “Zou lun Shaanxi bingma lihai ” 奏论陕西兵马利害(Kelebihan dan Kelemahan Sistem Ketenteraan di Shaanxi) , *Fan Wenzhenggong zhengfu zouyi* 范文正公政府奏议(卷下) , ms. 564 .

jeneral-jeneral yang memberi sumbangan kepada negara harus diberi galakan yang setimpalnya .

Sebagai seorang pemimpin yang berkaliber , Fan Zhongyan amat sayang kepada anak buahnya . Askar-askar di bawahnya menghormati Fan kerana Fan tidak memaksa mereka menjadi askar untuk selama-lamanya . Dinasti Song telah menyambung sistem negeri Liang (didirikan oleh Zhu Quanzhong 朱全忠 pada tahun 852) di mana askar imperial terpaksa mencacah muka mereka dan askar tempatan pula mencacah lengan mereka . Sistem ini menjadikan askar seolah-olah menandatangani kontrak dengan kerajaan dan terpaksa menjadi askar sepanjang hidup mereka . Askar-askar menjadi hina dan malu selepas mencacah muka mereka . Fan mengubah sistem yang buruk ini di mana beliau tidak mencacah muka askar-askar dan hanya menikam lengan mereka . Tindakan ini adalah untuk kebaikan askar di mana apabila tamatnya perang , askar-askar dibenarkan memulihkan kedudukan mereka sebagai rakyat jelata . Perubahan sistem ini telah menyebabkan mereka tidak menganggap menjadi askar sebagai satu kehinaan dan ini secara tidak langsung mempertingkatkan semangat pertarungan askar-askar .

3.3 Memperkuatkan Pertahanan Sempadan Negara

Sebagaimana yang diketahui, negara Xia 夏 adalah sebuah negara yang merbahaya di sempadan Song dan ianya merupakan sebuah negara yang mampu menggugat kedudukan dinasti Song. Semasa Yuanhao menyerang Yanzhou pada tahun 1040, pemimpin dinasti Song pada masa itu iaitu Fan Yong tidak berupaya menahan kekuatan dan serangan daripada tentera Yuanhao. Han Qi memperkenalkan Fan Zhongyan untuk memimpin tentera Song dan pada masa itulah Fan yang bertanggungjawab atas pertahanan dinasti Song. Sesungguhnya Fan Zhongyan mengetahui tentang kelemahan dinasti Song dan kekuatan Xi Xia. Justeru itu, Fan berpendapat bahawa pasukan tentera dinasti Song haruslah memberi penekanan terhadap perang pertahanan yang berpanjangan. Beliau membantah taktik menyerang pihak lawan pada masa itu. Beliau mengemukakan “Shang gongshou erce zhuan” 上攻守二策状 (Cadangan Dua Strategi dalam Pertahanan) dengan mengatakan betapa pentingnya bertahan dalam benteng negara. Beliau mengemukakan pandangan bahawa pada masa kegemilangan dinasti Han, menteri-menteri seperti Xiao He 萧何 dan Zhang Liang merupakan orang yang berwibawa, malah pasukan tentera pada masa itu juga hebat dan tidak ada bandingannya, tetapi pasukan tentera Han yang berjumlah 400,000 telah dikepong dan dikurung di Pingcheng 平城 pula. Akhirnya tentera Han terpaksa berdamai dengan pihak Xiongnu 匈奴.¹⁶ Fan mengharapkan maharaja dapat mendengar nasihatnya supaya rakyat tidak akan menderita akibat dari berperang dengan pihak

¹⁶ “Shang gongshou erce zhuan” 上攻守二策状 , FWZJ, Vol. 5 , ms. 185 .

lawan . Dalam hubungan yang sama , Fan menyanjung tinggi maharaja Zhen Zong kerana baginda sanggup berdamai dengan Xi Xia dan akibat dari itu , dinasti Song dan rakyat jelata dapat menikmati kedamaian selama empat puluh tahun .¹⁷ Ini adalah masa yang baik juga bagi pasukan Song mempertingkatkan kualiti pertarungan mereka .

Pada hakikatnya , dinasti Song menjadi lemah dan tidak mampu menyerang Xi Xia secara besar-besaran . Tambahan pula dengan dasar “jeneral tidak dibenarkan mengawal kumpulan askar-askar yang tertentu manakala askar-askar pula tidak tertakluk kepada jeneral yang tertentu ” , strategi pertahanan adalah lebih sesuai jika dibandingkan dengan strategi menyerang . Fan membantah keras hujahan-hujahan penyerangan terhadap Xi Xia secara besar-besaran yang dikemukakan oleh Zhang Shixun 张士逊 (964—1049) dan rakan-rakannya . Fan berkata , “Pada masa sekarang , cara yang terbaik melindungi diri daripada pihak musuh adalah memperkuuhkan pertahanan dalam sempadan supaya pihak musuh tiada peluang untuk masuk ke sempadan Song ” (为今之计，莫若且严边城，使之久可守，实关内，使无虚可乘。)¹⁸ Semasa Fan di Yanzhou , beliau membahagikan askar sebanyak 18,000 orang kepada enam kumpulan dan setiap kumpulan dipimpin oleh seorang ketua tentera . Setiap ketua tentera mengetuai 3,000 orang askar dan ketua bertanggungjawab melatih askar tersebut . Pada masa peperangan pula , ketua berkuasa menentukan taktik peperangan . Selepas Fan Zhongyan

¹⁷ “Da anfu wang neihan shu ” 答安抚王内翰书 , FWZJ , Vol. 9 , ms. 258 .

¹⁸ “Lun xishi zhazi ” 论西事孔子 , FWZJ , Vol.4 , ms. 487 .

mengatur semula ketua tentera dan askar , keupayaan pertarungan pasukan tentera Song telah bertambah kuat .

Fan Zhongyan adalah seorang ahli tentera yang berpandangan jauh . Untuk mempertahankan negara dari serangan Xi Xia , Fan telah menjalankan dua dasar yang utama iaitu dasar bertani dan dasar membina benteng kota . Fan mencadangkan supaya mengambil pemanah dan askar untuk bertahan di sempadan pertahanan di mana mereka bercucuk tanam sambil berperang . Sekiranya berlaku perperangan , mereka akan menceburkan diri dalam peperangan , dan jika peperangan berhenti , maka mereka akan mengusahakan sawah di samping menjalankan latihan dalam tentera . Selain itu , Fan juga mencadangkan supaya ahli-ahli keluarga askar-askar bersama-sama untuk mengusahakan sawah mereka demi mempertingkatkan semangat perjuangan masing-masing .¹⁹ Dasar ini telah memperkuuhkan pertarungan pasukan tentera di samping menyelesaikan masalah penghantaran bekalan makanan yang memakan masa yang begitu lama dan perjalanan yang jauh .

Selain itu , pembinaan benteng pertahanan negara juga merupakan satu sumbangan yang dibawa oleh Fan Zhongyan . Menurut Sejarah Song , kedudukan Dashun Cheng 大顺城 (kini di Shaanxi) merupakan tempat strategik yang utama di Qingzhou 庆州 . Fan ingin mendirikan benteng pertahanan kota di tempat tersebut . Pada mulanya , Fan menghantar anaknya Fan Chunyou 范纯佑

¹⁹ “Shang gongshou erce zhuang ” 上攻守二策状 , FWZJ , Vol. 5 , ms. 185 .

(1024—1063) dan jeneral Zhao Ming 赵明 memimpin pasukan mereka menduduki tempat tersebut . Selepas itu Fan menghantar pasukan tenteranya pula menduduki tempat itu dan memerintah askar-askar beliau mendirikan benteng pertahanan dalam masa 10 hari . Beberapa hari kemudian , Xi Xia menghantar 30,000 orang askar untuk menyerang Dashun Cheng . Fan dan pasukan tentera beliau berperang tanpa berhenti-henti dan berjaya menyekat kemaraan pasukan Xi Xia .²⁰

Dasar-dasar pertahanan yang dilaksanakan oleh Fan sesungguhnya membantu dinasti Song menghalang serangan daripada Xi Xia . Pertahanan di sempadan menjadi lebih kukuh dan ini secara tidak langsung memaksa Xi Xia berdamai dengan kerajaan Song pada tahun 1043 dan akibat dari itu , dinasti Song mendapat keamanan yang singkat buat sementara waktu .

3.4 Dasar Berbaik-baik Dengan Kaum Gasar (*Mulin Zhengce* 睦邻政策)

Selain dari memperkuatkan pasukan tentera dan memperkuuhkan pertahanan sempadan negara , dasar berbaik-baik dengan kaum gasar yang dilaksanakan oleh Fan Zhongyan juga merupakan satu dasar yang baik untuk mempertahankan negara . Bagi Fan , sekiranya pihak pemerintah ingin mendapatkan sokongan daripada rakyat jelata , maka sistem memerintah yang bersifat berperikemanusiaan harus dilaksanakan ke atas rakyat jelata . Dalam petisyen beliau

²⁰ “Fan Zhongyan zhuan ” , SS , Bab. 314 , ms. 10271 .

kepada maharaja mengenai hal-hal negara (“Zoushang shiwu shu”), beliau pernah berkata :

Sekiranya pihak pemerintah dapat melaksanakan dasar yang berperikemanusiaan , maka rakyat jelata di seluruh pelosok dunia ini akan memberi sokongan yang sepenuhnya kepada pemerintah . Manakala sesiapa yang memerintah negara dengan dasar keganasan , maka rakyat jelata akan melahirkan rasa tidak puashati terhadap pemerintah. Maharaja terdahulu iaitu Yao 尧 dan Shun 舜 telah melaksanakan dasar yang berperikemanusiaan , justeru itu , rakyat menghormati mereka seperti ibu bapa sendiri ; manakala dinasti Qin pula menjalankan dasar keganasan , maka rakyat menganggap raja seperti musuh mereka . Oleh yang demikian , pihak pemerintah tidak boleh memerintah negaranya berdasarkan keganasan . (臣闻以德服人，天下欣戴；以力服人，天下怨望。尧舜以德，则人爱君如父母；秦以力，则人视君如仇雠。)²¹

Sebagaimana yang diketahui , terdapat ramai daripada puak Qiang menetap di sempadan dinasti Song . Malah ramai daripada mereka taat kepada kerajaan Song dan mereka telah lama menyesuaikan diri dalam kehidupan orang-orang Han . Golongan ini dikenali sebagai *shuhu* (熟户) oleh kerajaan Song . Oleh kerana kerajaan Song lemah dalam pasukan tentera mereka , maka apabila Yuanhao menyerang Song , ramai daripada puak Qiang terpaksa meminta bantuan daripada Xi Xia untuk mempertahankan diri mereka . Bahkan ada yang membantu Yuanhao menyerang sempadan dinasti Song . Memandangkan puak Qiang memihak kepada

²¹ “Zoushang shiwu shu” , *FWZJ* , Vol. 7 , ms. 216 .

Xi Xia , jeneral tentera Song membala dendam dengan membunuh orang-orang Qiang pula . Percanggahan dan konflik ini mengakibatkan hubungan di antara orang-orang Qiang dan orang-orang Han menjadi renggang . Fan Zhongyan berpendapat bahawa konflik ini akan membawa mudarat kepada pertahanan sempadan dinasti Song . Justeru itu , Fan melaksanakan dasar membujuk dengan tujuan meredakan hubungan yang tegang di antara puak Qiang dan Han .

Sesungguhnya Yuanhao merupakan seorang pemimpin yang bercita-cita tinggi . Serangan demi serangan ditujukan kepada pasukan Song . Semasa Fan Zhongyan menjadi gabenor daerah di Yanzhou , daerah tersebut telah dirosakkan oleh tentera Yuanhao dan ramai daripada orang-orang Qiang terpaksa berkeliaran tanpa tempat tinggal yang tetap . Memandangkan hakikat ini , Fan Zhongyan melaksanakan dasar dengan “ memberikan tanah supaya mereka dapat bercucuk tanam dan memberikan makanan kepada orang-orang Qiang ” (即使相度邻近官私空闲地土，权拨于耕种，如无牛具者，官与量借粮收买。)²² Menerusi Fan , hubungan di antara puak Qiang dan Song dapat diperbaiki .

Dalam pada itu , semasa Fan Zhongyan memegang jawatan ketua tentera 统帅 di Huanqing Lu 环庆路 (di Shaanxi) , beliau pernah menentukan peraturan bahawa “sesiapa yang cederakan orang akan didenda sebanyak seratus ekor kambing , dua ekor kuda dan sesiapa yang membunuh orang pula akan dihukum mati . ” (若仇已和断，辄私报之及伤人者，罚羊百，马二，已杀者

²² *Fan Wenzhenggong yanxing shiyi shilu* 范文正公言行拾遗事录 , Vol. 3 , ms . 685 .

折。) ²³ Peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Fan telah menghalang pertelingkahan dan pembunuhan di antara kedua-dua pihak . Malah orang-orang Qiang dengan perlahaan-lahannya memihak kepada pihak Song pula .

Dasar berbaik-baik dengan puak Qiang terus dilaksanakan oleh Fan Zhongyan di mana beliau meminta kerajaan Song menghantar seorang pemimpin yang dihormati oleh puak Qiang iaitu Zhong Shiheng untuk menceburkan diri dalam tanggungjawab membujuk orang-orang Qiang . Fan menaruh harapan dan memberi kepercayaan terhadap puak Qiang , maka puak Qiang menjadi penolong yang setia terhadap pasukan tentera Song di sempadan . (諸羌来者，推心接之不疑，故贼亦不敢辄犯其境。) ²⁴

Di samping itu , Fan Zhongyan telah melatih puak Qiang ini sebagai pemanah 弓箭手. Menurut Sejarah Song , pemanah-pemanah yang terdiri daripada puak Qiang ini turut menceburkan diri dalam pertarungan dan merupakan salah satu pasukan yang hebat dalam menentang pasukan tentera Xi Xia .

Selain dari menjalankan dasar berbaik-baik dengan puak Qiang , Fan Zhongyan juga berusaha untuk membujuk pemimpin mereka iaitu Yuanhao supaya berbaik-baik dengan kerajaan Song . Dalam “ Da Zhao Yuanhao shu ” 答赵元昊书 (Surat kepada Yuanhao) , Fan berusaha untuk membujuk Yuanhao dengan

²³ “Fan Zhongyan zhuan” , SS , Bab .314 , ms. 10271.

²⁴ Ibid. , ms. 10272 .

mengemukakan lapan kebaikan yang akan diterimanya sekiranya Yuanhao berdamai dengan kerajaan Song.²⁵

Akhirnya dapat disimpulkan bahawa dasar membujuk yang dilaksanakan oleh Fan Zhongyan telah berjaya memperkuuhkan benteng pertahanan pasukan Song di samping menyatu-padukan kebanyakan orang-orang Qiang dan akhirnya memaksa Yuanhao memperhentikan serangan ke atas Song. Melalui dasar berbaik-baik, Fan secara tidak langsung memberi kesempatan kepada orang-orang Qiang dan orang-orang Han berinteraksi di antara satu sama lain; khususnya dalam penyatuan antara orang-orang Qiang dengan Han, dasar membujuk ini memainkan peranan yang penting merapatkan hubungan sesama mereka. Jika dibandingkan dengan taktik menyerang, dasar berbaik-baik dengan kaum gasar ini disifatkan sebagai satu dasar yang pasif tetapi amat berhasil sekali dalam pertahanan negara.

²⁵ Di antara kebaikan ini termasuk kestabilan yang dicapai oleh kedua-dua pihak, kekayaan yang akan dimiliki oleh kaum Qiang, bantuan Song dalam bidang ekonomi Qiang dan sebagainya. Keterangan lanjut dapat dilihat dari "Da Zhao Yuanhao shu" 答赵元昊书 (Surat Kepada Yuanhao), FWZJ, Vol. 9, ms. 253—256.